



Abdul Azeez (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

Kes rasuah Ahli Parlimen Baling ditangguh

KUALA LUMPUR - Prosiding kes rasuah membabitkan bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan abangnya di Mahkamah Sesyen di sini ditangguh hari ini kerana Ahli Parlimen Baling itu perlu hadir di Parlimen jam 11.30 pagi semalam.

Semasa prosiding, peguam, Hisyam Teh Poh Teik yang mewakili Abdul Azeez memaklumkan

kepada Hakim Azura Alwi, semua ahli Parlimen diwajibkan hadir untuk bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Langkah Sementara untuk Pembiayaan Pemerintah Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020.

Sementara itu, seorang lagi peguam yang mewakili Abdul Azeez iaitu M Athimulan berkata, beliau perlu membuat pindaan kepada dokumen berkaitan kes.

Timbalan Pendakwa Raya, Aslinda Ahad tidak membantah perkara itu.

Azura kemudiannya menangguhkan prosiding hari ini dan mengarahkan pendakwaan bersedia dengan saksi mereka.

Mahkamah akan bersidang hari ini dengan sembilan saksi pendakwaan akan dipanggil memberi keterangan.